



SIARAN MEDIA

156 KELUARGA B40 TERIMA SURAT TAWARAN PPR REMBAU: KOMITMEN KERAJAAN MADANI SEDIAKAN KEDIAMAN MAMPU MILIK DAN SELESA

REMBAU, 25 Julai 2025 - Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu bersama-sama EXCO (Kanan) Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan, YB Datuk Seri Haji Jalaluddin Bin Haji Alias telah menyempurnakan **Majlis Penyerahan Surat Tawaran bagi Program Perumahan Rakyat (PPR) Rembau, Mukim Chembong, Negeri Sembilan** hari ini. Turut hadir dalam majlis ini adalah EXCO Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan Negeri Sembilan, YB Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan,

Seramai 156 orang penerima telah memperolehi surat tawaran penempatan bagi fasa pertama, manakala penyerahan bagi fasa seterusnya akan dilaksanakan dalam masa terdekat tertakluk kepada proses penyaringan kelayakan penyewa.

Kerajaan terus komited menyediakan kediaman yang selesa dan mampu milik kepada golongan berpendapatan rendah menerusi **pelaksanaan Skim Sewa-Untuk-Milik (Rent to Own, RTO)**. Antara kejayaan inisiatif ini adalah Projek Perumahan Rakyat (PPR) Rembau, yang mula dibangunkan pada 4 Mac 2020 dengan kos sebanyak **RM91,217,866.52**. Projek ini melibatkan pembinaan **452 unit rumah teres setingkat termasuk empat (4) unit khas untuk keperluan golongan Orang Kurang Upaya (OKU)** di atas tanah seluas 39.70 ekar.

Setiap unit kediaman mempunyai keluasan 65 meter persegi (700 kaki persegi) dan direka bentuk untuk memastikan keselesaan serta kemudahan kepada para penghuni. Projek ini turut dilengkapi dengan pelbagai kemudahan awam seperti surau, dewan komuniti, tadika, taman permainan dan medan selera, sekali gus mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi pembentukan komuniti yang harmoni.

Skim RTO ini merupakan sebahagian daripada **Program Subsidi / Bantuan Perumahan**

Mampu Milik Kerajaan di bawah strategik “**Menyediakan Perumahan dan Persekitaran yang Berkualiti dan Selesa**” dalam Pelan Strategik KPKT. Pendekatan ini membolehkan golongan B40 menyewa kediaman pada kadar berpatutan, seterusnya diberi peluang memiliki rumah tanpa beban kewangan permulaan yang tinggi.

Di bawah skim ini, penyewa yang berpendapatan isi rumah tidak melebihi RM5,000 sebulan hanya perlu membayar **sewa RM225 sebulan**, dengan tambahan **caj penyelenggaraan RM12 sebulan**. Mereka akan ditawarkan untuk membeli unit berkenaan pada harga **RM40,000** pada tahun ke-6, ke-11 dan ke-16 dalam tempoh maksimum perjanjian selama 20 tahun.

Bagi pengurusan harian PPR ini, Kerajaan telah melantik **PR1MA Facilities Management Sdn. Bhd. (PFMSB)**, anak syarikat Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) sebagai ejen rasmi pengurusan dan penyelenggaraan.

Majlis hari ini turut menzahirkan penghargaan kepada pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Pejabat Tanah dan Daerah Rembau, Majlis Daerah Rembau, PR1MA serta semua agensi yang terlibat atas kerjasama erat dalam menjayakan majlis ini.

Kejayaan ini membuktikan komitmen berterusan KPKT dalam menyediakan perumahan berkualiti, mampu milik dan lestari demi meningkatkan taraf hidup rakyat. Selaras dengan prinsip Malaysia MADANI, KPKT menekankan kerjasama kukuh antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam menjayakan agenda kesejahteraan rakyat melalui penyediaan perumahan yang kondusif dan inklusif.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my